



**PESURUHJAYA SUKAN MALAYSIA  
COMMISSIONER OF SPORTS MALAYSIA**

---

**PEKELILING PESURUHJAYA SUKAN BILANGAN 4 TAHUN 2022  
PERTANDINGAN ACARA SUKAN**

---

**TUJUAN**

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan sebagai panduan dan rujukan mengenai pertandingan acara sukan di Malaysia.

**LATAR BELAKANG**

2. Akta Pembangunan Sukan 1997 [*Akta 576*] adalah suatu Akta untuk menggalakkan dan memudahkan pembangunan dan pentadbiran sukan di Malaysia. Subseksyen 33(1) Akta 576 memperuntukan bahawa tiada seorang pun boleh membuat tawaran atau menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah bagi apa-apa pertandingan atau acara sukan antarabangsa di Malaysia tanpa kelulusan bertulis Menteri Belia dan Sukan Malaysia terlebih dahulu dan keputusan Menteri adalah muktamad.

3. Pertandingan acara sukan bagi mana-mana peringkat boleh dianjurkan oleh mana-mana pihak yang mempunyai keupayaan dari segi kewangan, tenaga kerja, pengetahuan teknikal suatu sukan dan komitmen untuk memajukan serta membangunkan suatu sukan.

## **TAFSIRAN**

4. “badan sukan” ertinya sesuatu persatuan, kelab atau pertubuhan yang bertindak sebagai badan pengelola atau badan perwakilan suatu sukan di Malaysia sama ada di peringkat daerah, negeri atau kebangsaan, sama ada atau tidak persatuan, kelab atau pertubuhan itu hanyalah anggota gabungan bagi persatuan, kelab atau pertubuhan yang lain.

5. “badan pengelola” ertinya badan sukan peringkat kebangsaan atau negeri atau daerah yang bertindak dalam mengelola suatu sukan yang diiktiraf badan antarabangsa;

6. "penganjur" ertinya mana-mana orang, badan sukan atau organisasi atau pertubuhan bukan kerajaan atau syarikat yang berdaftar di bawah undang-undang Malaysia yang bertanggungjawab menganjur apa-apa pertandingan sukan secara sendirian atau bersama pihak penaja atau pihak-pihak lain.

7. “pengurus acara” ertinya mana-mana pihak yang dipertanggungjawabkan atau dilantik oleh penganjur bagi merancang, menyelaraskan, menyelia, melaksana, mengurus, memantau, atau sebahagiannya, seterusnya memastikan apa-apa pertandingan suatu acara sukan itu diadakan.

8. "pertandingan acara sukan" ertinya apa-apa pertandingan atau kejohanan atau temasya sukan yang diadakan mengikut peraturan suatu sukan itu yang membabitkan atau menawarkan salah satu atau lebih perkara-perkara berikut:-

- (a) yuran penyertaan atau pendaftaran;
- (b) hadiah dan/atau ganjaran; dan
- (c) tawaran mata atau markah bagi menentukan kedudukan atau kelayakan.

9. "penganjuran tempatan" ertinya pertandingan acara sukan di peringkat kebangsaan, negeri, daerah, bahagian atau mana-mana kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan yang melibatkan penyertaan warga tempatan.

10. "penganjuran antarabangsa" ertinya pertandingan sukan yang diadakan melibatkan penyertaan bukan warganegara Malaysia secara individu atau pasukan yang mewakili suatu negara selain daripada Malaysia.

## **KELULUSAN PERTANDINGAN ACARA SUKAN**

11. Selaras dengan peruntukan subseksyen 33(1) Akta 576, mana-mana pihak yang berhasrat untuk membida, menawarkan sebagai tuan rumah untuk menganjurkan apa-apa pertandingan acara sukan hendaklah memohon dan mendapatkan kelulusan terlebih dahulu.

12. Selaras dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Prosedur Operasi Standard (SOP) Fasa 4 yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertarikh 7 Mac 2022, penganjuran semua kejohanan atau pertandingan bersentuhan atau tidak bersentuhan fizikal tempatan atau antarabangsa **DENGAN KEBENARAN** Pejabat

Pesuruhjaya Sukan (**tertakluk kepada jenis penganjuran**). Penganjuran acara sukan yang melibatkan pertandingan bagi tujuan latihan, aktiviti riadah atau seumpamanya, yang terhad kepada anggota atau suatu organisasi tidak memerlukan lesen/ kebenaran/ kelulusan penganjuran.

13. Penganjuran pertandingan acara sukan oleh syarikat adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan (Pelesenan) 2019 yang berkuatkuasa mulai 1 Mac 2019 dan seksyen 36 (1) Akta 576 yang memperuntukkan bahawa sesuatu syarikat tidak boleh terlibat dalam apa-apa aktiviti sukan atau dalam apa-apa aktiviti lain yang berkaitan dengan sukan, yang ditetapkan oleh Menteri dalam peraturan-peraturan, melainkan jika ia dilesenkan untuk berbuat demikian oleh Pesuruhjaya.

14. Setiap permohonan bidaan atau tawaran sebagai tuan rumah atau penganjuran antarabangsa hendaklah dikemukakan dan diperaku oleh Jawatankuasa Pengurusan Acara Sukan Antarabangsa (JKPASA) sebelum diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan bertulis Menteri Belia dan Sukan Malaysia.

## **PERMOHONAN LESEN DAN KEBENARAN/KELULUSAN**

15. Permohonan boleh dilakukan menerusi Sistem Pengurusan Badan Sukan (eROSA) yang boleh dicapai melalui <https://erosa.kbs.gov.my>. Semua dokumen permohonan yang diperlukan hendaklah dimuat naik ke dalam sistem eROSA bagi tujuan semakan dan rujukan. Pertandingan acara sukan boleh dikategorikan kepada dua (2), iaitu:-

- (a) Penganjuran tempatan; dan
- (b) Penganjuran antarabangsa.

16. Permohonan mengenai suatu pertandingan sukan tempatan atau antarabangsa adalah mengikut status organisasi iaitu syarikat, badan sukan atau badan bukan sukan.

17. Permohonan pertandingan acara sukan oleh badan sukan dan bukan badan sukan perlulah dibuat tidak kurang daripada 14 hari sebelum pertandingan bagi peringkat tempatan, manakala acara sukan peringkat antarabangsa tidak kurang daripada 90 hari sebelum tarikh pertandingan dilaksanakan.

18. Permohonan oleh pihak syarikat adalah dalam tempoh tidak kurang 30 hari daripada tarikh penganjuran bagi peringkat tempatan, manakala bagi kejohanan atau pertandingan sukan antarabangsa tempoh permohonan adalah dalam tempoh tidak kurang 90 hari.

19. Lesen penganjuran dikenakan fi sebanyak RM500.00 bagi peringkat tempatan dan RM1,000.00 bagi peringkat antarabangsa.

20. Selaras dengan peruntukan Seksyen 34 Akta 576, semua pertandingan dan acara sukan yang dibenarkan, dijalankan atau disertai adalah mengikut kaedah dan garis panduan yang diiktiraf oleh semua badan pengelola dan pengawalseliaan bagi sukannya dalam semua perkara, termasuk standard dan kelayakan semua peserta dan pegawai serta langkah kesihatan dan keselamatan bagi peserta, pegawai dan penonton di pertandingan atau acara itu.

21. Setiap permohonan hendaklah dikemukakan bersama empat (4) dokumen **WAJIB** seperti berikut:

- (a) salinan sijil pendaftaran kecuali badan sukan;
- (b) sanksi atau kebenaran badan pengelola suatu sukan itu mengikut suatu peringkat itu atau yang lebih tinggi bagi penganjuran tempatan, manakala sanksi atau kebenaran badan pengelola suatu sukan peringkat kebangsaan atau lebih tinggi bagi penganjuran antarabangsa;
- (c) kebenaran bertulis daripada tuan punya atau pemilik tempat pertandingan sukan yang hendak dijalankan; dan
- (d) perlindungan insurans peserta dan petugas yang terlibat, termasuk penonton bagi suatu kejohanan atau pertandingan yang dinyatakan.

22. Pesuruhjaya boleh, apabila berpuas hati bahawa ada alasan yang munasabah untuk berbuat demikian, enggan mengeluarkan lesen/ kebenaran/ kelulusan atau membatalkannya.

23. Sebarang rayuan keputusan mengenai lesen/ kebenaran/ kelulusan pertandingan acara sukan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pesuruhjaya dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan dikeluarkan. Manakala sebarang perubahan tarikh atau tempat pertandingan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pesuruhjaya tidak lewat 14 hari dari tarikh pertandingan, tertakluk syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya.

## **TANGGUNGJAWAB PENGANJUR**

24. Penganjur hendaklah bertanggungjawab:-

- (a) mendapatkan lesen atau kebenaran atau kelulusan Pesuruhjaya Sukan atau Menteri Belia dan Sukan (mana berkaitan) sebelum suatu penganjuran atau pertandingan diadakan;
- (b) menyediakan sumber kewangan dan keperluan pertandingan yang mencukupi;
- (c) mendapatkan sanksi atau kebenaran badan pengelola bagi memastikan tempat pertandingan sukan adalah selamat dan sesuai untuk sukan yang dipertandingkan, pegawai teknikal pertandingan yang mencukupi dan diiktiraf oleh badan pengelola;
- (d) mendapatkan kebenaran bertulis daripada mana-mana pihak keselamatan, pihak berkuasa tempatan atau pihak-pihak berautoriti lain yang berkaitan bagi tujuan mengadakan pertandingan sukan;
- (e) memastikan penyertaan atau penglibatan atlet, pegawai teknikal dan delegasi pasukan dalam pertandingan sukan tidak bercanggah dengan dasar luar negara dan undang-undang serta budaya rakyat Malaysia;
- (f) melaksanakan pertandingan sukan mengikut peraturan atau undang-undang sukan yang diiktiraf oleh badan pengelola, termasuk prosedur

keselamatan, perlindungan insurans, perubatan yang ditetapkan bagi penganjuran sukan berkaitan;

- (g) memastikan hadiah dan/atau ganjaran kewangan diberikan kepada pemenang atau pihak yang berhak mengikut ketetapan;
- (h) memastikan kebersihan tempat/premis pertandingan; dan
- (i) mengemukakan laporan kepada Pesuruhjaya Sukan yang mengandungi maklumat seperti tarikh, tempat, bilangan penyertaan dan lain-lain maklumat yang berkaitan dalam tempoh 30 hari selepas penganjuran pertandingan sukan.

## **TARIKH KUATKUASA**

25. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

## **PEMBATALAN**

26. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bil. 1 Tahun 2015 Panduan Penganjuran Pertandingan Sukan bertarikh 17 April 2015 adalah terbatal.

## **PEMAKAIAN**

27. Sebarang pindaan ke atas Akta 576 atau Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan atau Pelan Pemulihan Negara (PPN) Prosedur Operasi Standard (SOP) oleh

Majlis Keselamatan Negara (MKN) adalah dianggap sebahagian daripada Pekeliling Pesuruhjaya Sukan ini, dan hendaklah dipatuhi sehingga Pekeliling ini dikemaskini sepenuhnya.

28. Tertakluk kepada penerimaanya, Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada Pesuruhjaya Sukan Rantau Sabah dan Pesuruhjaya Sukan Rantau Sarawak.

29. Pelaksanaan Pekeliling ini diperincikan menerusi Garis Panduan Permohonan Penganjuran Pertandingan Acara Sukan Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bilangan 4 Tahun 2022.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(IBRAHIM BIN MOHD YUSOF)**  
Pesuruhjaya Sukan Malaysia

Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia  
Kuala Lumpur

13 Disember 2022



**PESURUHJAYA SUKAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN  
PERTANDINGAN ACARA SUKAN  
PEKELILING PESURUHJAYA SUKAN BILANGAN 4 TAHUN 2022**

## KANDUNGAN

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	Tujuan	1
2.	Latar Belakang	1
3.	Skop Permohonan Penganjuran Pertandingan Acara Sukan	2
4.	Kaedah dan Tatacara Permohonan Sukan	4
5.	Permohonan Penganjuran Acara Sukan Antarabangsa	8
6.	Tempoh Proses Permohonan	9
7.	Bayaran Fi	9
8.	Peranan dan Tanggungjawab Penganjur Ke Atas Kelulusan	10
9.	Pertanyaan Lanjut	12

**GARIS PANDUAN  
PERTANDINGAN ACARA SUKAN  
AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997 [AKTA 576]**

**TUJUAN**

1. Garis panduan bertujuan untuk menjelaskan tatacara permohonan lesen/ kebenaran/ kelulusan pertandingan acara sukan di Malaysia.

**LATAR BELAKANG**

2. Akta 576 adalah suatau Akta untuk menggalakkan dan memudahkan pembangunan dan pentadbiran sukan di Malaysia. Tadbir urus dan pelaksanaan Akta 576 dipertanggungjawabkan kepada Pesuruhjaya Sukan selaras peruntukan Seksyen 10 Akta 576, Menteri Belia dan Sukan boleh melantik seorang Pesuruhjaya Sukan dan sekian bilangan Pesuruhjaya Rantau, Timbalan Pesuruhjaya dan Penolong Pesuruhjaya dan pegawai dan perkhidmatan lain yang perlu bagi pentadbiran wajar Akta ini.

3. Pejabat Pesuruhjaya Sukan telah ditubuhkan pada 1 Januari 1998 bagi melaksana kuasa yang diperuntukkan bagi mentadbir Akta 576 dan memastikan badan-badan sukan bergerak secara demokratik, teratur dan bertanggungjawab bagi menjamin pencapaian matlamatnya untuk menggalak dan memajukan sukan negara. Seksyen 15 Akta 576 memperuntukan bahawa tiap-tiap badan sukan hendaklah memohon kepada Pesuruhjaya supaya didaftarkan di bawah Akta ini untuk menjalankan apa-apa aktiviti sukan.

4. Seksyen 33 Akta 576 memperuntukan tiada seorang pun boleh membuat tawaran atau menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah bagi apa-apa pertandingan atau acara sukan antarabangsa di Malaysia tanpa kelulusan bertulis Menteri terlebih dahulu dan keputusan Menteri adalah muktamad.

5. Seksyen 34 Akta 576 memperuntukan sesuatu badan sukan hendaklah memastikan bahawa semua pertandingan dan acara sukan yang dibenarkan, dijalankan atau disertai olehnya serta pertandingan dan acara sukan yang diadakan di bawah naungannya, adalah mengikut kaedah dan garis panduan yang diiktiraf oleh semua badan pengelola dan pengawalseliaan bagi sukannya dalam semua perkara, termasuk standard dan kelayakan semua peserta dan pegawai serta langkah kesihatan dan keselamatan bagi peserta, pegawai dan penonton di pertandingan atau acara itu.

6. Seksyen 36 (1) Akta 576 memperuntukan sesuatu syarikat tidak boleh terlibat dalam apa-apa aktiviti sukan atau dalam apa-apa aktiviti lain yang berkaitan dengan sukan, yang ditetapkan oleh Menteri dalam peraturan-peraturan, melainkan jika ia dilesenkan untuk berbuat demikian oleh Pesuruhjaya.

## **SKOP PERMOHONAN PENGANJURAN PERTANDINGAN ACARA SUKAN**

7. Penganjuran pertandingan acara sukan meliputi 3 kategori iaitu:

(a) **Pelesenan (Penganjuran Acara Sukan oleh Syarikat)**

Penganjuran oleh mana-mana syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dan undang-undang negeri.

(b) **Badan Sukan**

Permohonan dari badan sukan yang berdaftar di Pejabat Pesuruhjaya Sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 [*Akta 576*].

(c) **Bukan Badan Sukan**

Merujuk kepada mana-mana organisasi atau pertubuhan yang berdaftar selain di bawah Akta 777 dan Akta 576 iaitu:

- i. Kementerian atau badan kerajaan peringkat Persekutuan;
- ii. Kementerian atau badan kerajaan peringkat Negeri atau tempatan;  
dan
- iii. pertubuhan bukan kerajaan.

8. Permohonan penganjuran pertandingan terbahagi kepada 2 peringkat seperti berikut:

(a) **Tempatan**

- i. Pertandingan acara sukan di peringkat kebangsaan, negeri, daerah, bahagian atau mana-mana kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan yang melibatkan penyertaan warganegara tempatan; dan
- ii. Mana-mana bukan warganegara yang dibenarkan masuk dan menetap mengikut Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*] boleh menyertai pertandingan acara sukan tempatan seperti pemastautin tetap, ekspatriat, pelajar dan seumpamanya.

**(b) Antarabangsa**

Pertandingan sukan yang diadakan melibatkan penyertaan individu atau pasukan yang mewakili suatu negara selain daripada Malaysia.

**KAEDAH DAN TATACARA PERMOHONAN**

9. Permohonan penganjuran pertandingan acara sukan boleh dilakukan menerusi Sistem Pengurusan Badan Sukan Elektronik (eROSA) yang boleh dicapai melalui <https://erosa.kbs.gov.my>. Semua dokumen yang diperlukan hendaklah dimuat naik ke dalam sistem eROSA bagi tujuan semakan dan rujukan. Manual permohonan penganjuran pertandingan boleh dimuat turun menerusi <https://erosa.kbs.gov.my> di ruangan panduan pengguna.

10. Satu salinan dokumen bercetak untuk permohonan penganjuran pertandingan acara sukan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Pesuruhjaya Sukan mengikut kategori penganjuran. Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

**(a) Pelesenan (Penganjuran Acara Sukan oleh Syarikat)**

- i. \*Satu Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat/Satu Salinan Memorandum dan Artikel Syarikat / Perlembagaan, Borang 24 / Borang Teras, Borang 49 / Borang Teras;
- ii. \*Salinan Nota Perlindungan Insuran Peserta (Insuran Kelompok);
- iii. \*Salinan Surat *Sanction* dari Badan Pengelola;
- iv. \*Salinan Surat Kebenaran Pemilik Lokasi;
- v. Salinan Surat Kebenaran Pihak Berkuasa;

- vi. Salinan Perjanjian dengan pihak-pihak lain yang berkaitan (sekiranya ada);
- vii. Surat kelulusan Menteri: *bagi penganjuran acara sukan Peringkat Antarabangsa - sekiranya perkara i-vi telah lengkap, permohonan akan dibawa ke Mesyuarat JKPASA bagi mendapatkan PERAKUAN KELULUSAN, sebelum dikemukakan kepada YB Menteri untuk PERTIMBANGAN KELULUSAN.*

**(b) Badan Sukan**

- i. \*Salinan Nota Perlindungan Insuran Peserta (Insuran Kelompok);
- ii. \*Salinan Surat *Sanction* dari Badan Pengelola (jika badan pengelola yang menganjurkan boleh mengemukakan surat pengesahan dan pemakluman menganjurkan kejohanan kepada PJS);
- iii. \*Salinan Surat Kebenaran Pemilik Lokasi;
- iv. Salinan Surat Kebenaran Pihak Berkuasa;
- v. Salinan Perjanjian dengan pihak-pihak lain yang berkaitan (sekiranya ada); dan
- vi. Surat kelulusan Menteri: *bagi penganjuran acara sukan Peringkat Antarabangsa - sekiranya perkara i-v telah lengkap, permohonan akan dibawa ke Mesyuarat JKPASA bagi mendapatkan PERAKUAN KELULUSAN, sebelum dikemukakan kepada YB Menteri untuk PERTIMBANGAN KELULUSAN.*

**(c) Bukan Badan Sukan**

- i. \*Salinan Sijil Pendaftaran Organisasi (Jika tiada, kemukakan surat pengesahan dari ketua Jabatan/agensi kerajaan);
- ii. \*Salinan Nota Perlindungan Insuran Peserta (Insuran Kelompok);
- iii. \*Salinan Surat *Sanction* dari Badan Pengelola (jika badan pengelola yang menganjurkan boleh mengemukakan surat pengesahan dan pemakluman menganjurkan kejohanan kepada PJS);
- iv. \*Salinan Surat Kebenaran Pemilik Lokasi;
- v. Salinan Surat Kebenaran Pihak Berkuasa;
- vi. Salinan Perjanjian dengan pihak-pihak lain yang berkaitan (sekiranya ada);
- vii. Surat kelulusan Menteri: *bagi penganjuran acara sukan Peringkat Antarabangsa - sekiranya perkara i-vi telah lengkap, permohonan akan dibawa ke Mesyuarat JKPASA bagi mendapatkan PERAKUAN KELULUSAN, sebelum dikemukakan kepada YB Menteri untuk PERTIMBANGAN KELULUSAN.*

11. Penganjur yang ingin menganjurkan apa-apa pertandingan sukan perlulah memastikan keperluan seperti yang disebut di bawah dipatuhi dengan sepenuhnya:

- (a) membuat permohonan mengikut tempoh yang ditetapkan seperti di perenggan 13;
- (b) tempoh sah lesen dan kelulusan/ kebenaran penganjuran adalah dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kelulusan;

- (c) mempunyai sumber kewangan dan keperluan pertandingan yang mencukupi;
- (d) mendapatkan ulasan bertulis atau *sanction* daripada badan pengelola; sanksi atau kebenaran badan pengelola suatu sukan itu mengikut suatu peringkat itu atau yang lebih tinggi bagi penganjuran tempatan, manakala sanksi atau kebenaran badan pengelola suatu sukan peringkat kebangsaan atau lebih tinggi bagi penganjuran antarabangsa;
- (e) melaksanakan pertandingan sukan mengikut peraturan atau undang-undang sukan yang diiktiraf oleh badan pengelola serta mempunyai pegawai teknikal yang mencukupi dan diiktiraf oleh badan pengelola;
- (f) mendapatkan kebenaran bertulis daripada tuan punya atau pemilik tempat pertandingan sukan yang hendak dijalankan;
- (g) mendapatkan nota perlindungan insurans dari mana-mana syarikat insurans serta memastikan tempat pertandingan sukan adalah selamat dan sesuai untuk sukan yang dipertandingkan;
- (h) memastikan pertandingan sukan yang dianjurkan tidak bercanggah dengan dasar dan undang-undang serta budaya rakyat Malaysia;
- (i) memastikan pertandingan sukan yang dianjurkan tidak mengancam ketenteraman dan keselamatan awam;

- (j) mendapat kebenaran bertulis (permit) daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mengadakan pertandingan sukan; dan
- (k) menyerahkan hadiah dan/atau ganjaran kepada pemenang atau pihak yang berhak mengikut ketetapan.

### **PERMOHONAN PENGANJURAN ACARA SUKAN ANTARABANGSA**

12. Merujuk kepada perenggan 9 dan 10, permohonan penganjuran pertandingan acara sukan antarabangsa boleh dibuat dengan syarat-syarat seperti berikut:

- (a) semakan dan penelitian permohonan akan dilakukan oleh urusetia JKPASA dengan merujuk kepada dokumen permohonan yang dikemukakan;
- (b) permohonan yang lengkap seperti di perenggan 10 akan dibentangkan dalam Mesyuarat JKPASA untuk diperakukan bagi pertimbangan dan kelulusan Menteri selaras dengan Seksyen 33 Akta 576;
- (c) pemohon dikehendaki membentangkan cadangan bidaan/penganjuran acara sukan antarabangsa mengikut format yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya;
- (d) perakuan dan syor JKPASA akan diangkat bagi mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Menteri;

- (e) kelulusan bertulis Menteri hendaklah dimuat naik dalam sistem eROSA untuk tindakan kelulusan selanjutnya; dan
- (f) surat penolakan kelulusan akan dikemukakan kepada penganjur yang gagal menepati kriteria dan syarat kelulusan permohonan penganjuran acara sukan antarabangsa.

### **TEMPOH PROSES PERMOHONAN**

13. Permohonan oleh pihak syarikat adalah dalam tempoh tidak kurang 30 hari daripada tarikh pertandingan dan tempoh permohonan oleh badan sukan dan bukan badan sukan adalah tidak kurang daripada 14 hari sebelum tarikh pertandingan acara sukan. Bagi permohonan penganjuran pertandingan sukan peringkat antarabangsa tidak kurang daripada 90 hari sebelum tarikh pertandingan dilaksanakan.

### **BAYARAN FI**

14. Bayaran fi bagi kategori pelesenan adalah sebanyak RM500.00 bagi acara tempatan dan RM1,000.00 bagi acara antarabangsa. Bayaran fi perlu dibayar melalui kaedah yang ditentukan sebelum cetakan lesen.

15. Tiada sebarang bayaran fi dikenakan bagi pertandingan acara sukan anjuran badan sukan dan bukan badan sukan.

## **PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENGANJUR KE ATAS KELULUSAN**

16. Penganjur perlu bertanggungjawab terhadap kelulusan sesuatu permohonan penganjuran pertandingan acara sukan seperti mana berikut:

- (a) kelulusan yang diperolehi adalah sebagai bukti sesebuah organisasi itu layak dan berupaya membida/menawar acara sukan di peringkat antarabangsa;
- (b) kelulusan yang diperolehi membolehkan sesebuah organisasi membuat permohonan menggunakan logo KBS mengikut spesifikasi seperti dalam Panduan Penggunaan Logo KBS;
- (c) kelulusan yang diperolehi tertakluk kepada acara, tarikh dan lokasi yang dipohon sahaja. Sebarang pertukaran tarikh dan lokasi perlu mendapatkan kelulusan JKPASA / Pesuruhjaya;
- (d) penganjur wajib bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan sebarang masalah atau kesulitan tidak berbangkit dalam penganjuran ini yang boleh menjejaskan imej Negara/ Kementerian;
- (e) penganjur akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas liabiliti, tuntutan pihak ketiga, kerosakan harta benda dan kecederaan orang akibat daripada kecuaiian atau kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan peraturan berkaitan dengan penganjuran acara yang dilaksanakan;

- (f) penganjur wajib bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keperluan kewangan, teknikal, lokasi acara serta menjaga imej negara/ Kementerian;
- (g) penganjur hendaklah memastikan prosedur penganjuran acara dan keselamatan dipatuhi;
- (h) penganjur hendaklah memastikan setiap peserta luar negara memahami, mematuhi dan menghormati adat resam dan peraturan negara Malaysia;
- (i) penganjur hendaklah memastikan di mana sesuai supaya prinsip-prinsip protokol dipatuhi bagi memastikan imej Kerajaan tidak terjejas;
- (j) penganjur hendaklah memastikan pematuhan kepada arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan lain-lain arahan pihak berkuasa tempatan dari semasa ke semasa; dan
- (k) penganjur adalah terikat kepada semua undang-undang Kerajaan Malaysia semasa yang berkuatkuasa.

## **PERTANYAAN LANJUT**

17. Sebarang pertanyaan atau penjelasan lanjut boleh merujuk kepada:

- (a) Pesuruhjaya Sukan Malaysia  
Aras 2, Gimnasium 3  
Kuala Lumpur Sports City  
57000 Seri Petaling  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.  
Tel: 03-8994 4800  
E-mel : [pps\\_hq@kbs.gov.my](mailto:pps_hq@kbs.gov.my)
  
- (b) Pesuruhjaya Sukan Rantau Sabah  
D/a Kompleks Belia dan Sukan (P) Negeri Sabah  
Jalan Taman Pasir Putih Putatan  
88998 Kota Kinabalu, Sabah.  
Tel: 088-762 232
  
- (c) Pesuruhjaya Sukan Rantau Sarawak  
Aras 2, Pusat Kecemerlangan Akuatik  
Kompleks Belia Dan Sukan Negeri Sarawak  
Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce  
93150 Kuching, Sarawak.  
Tel: 082-237 542